

PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)

1. KRITERIA-KRITERIA PEMILIHAN KONTRAKTOR

Kriteria pemilihan kontraktor adalah seperti berikut :

- (a) Pendaftaran Syarikat
 - Berdaftar dengan UPKJ di bawah Bidang Kerja dari Kelas E dan D.
 - Tempoh pendaftaran dengan UPKJ sekurang - kurangnya dua (2) tahun.
 - Berdaftar di Daerah di mana projek tersebut dilaksanakan.
- (b) Status Pemilikan Syarikat
 - Mempunyai Sijil Status Bumiputera dari UPKJ.
 - Ekuiti atau Modal dimiliki 100% Bumiputera (Perseorangan / Perkongsian/Sendirian Berhad)
 - Lembaga Pengarah Syarikat hendaklah 100% Bumiputera.
- (c) Rekod Prestasi
 - Tidak mempunyai *adverse reports* dengan UPKJ.
 - Tidak mempunyai projek sakit bagi projek yang sedang dilaksanakan.
 - Tidak mempunyai beban kerja semasa yang banyak (tidak melebihi lima (5) projek dalam satu tempoh tertentu).
 - Projek dilaksanakan dan diurus sendiri oleh kontraktor tersebut.
 - Kontraktor mempunyai kakitangan dan pasukan pengurusan mengikut keperluan projek.
- (d) Syarat kelayakan modal minimum
 - Mempunyai modal minimum sekurang-kurangnya 5% daripada nilai Had Kewangan Pendaftaran UPKJ dalam Kelas masing-masing.

2. BANTUAN PROGRAM

Kontraktor yang dipilih untuk menyertai program ini layak untuk memohon bantuan seperti berikut :

- (a) Bantuan pinjaman kewangan maksimum bernilai RM 300,000 atau lapan puluh peratus (80%) daripada nilai kontrak atau yang mana lebih rendah di bawah Program Skim Pembiayaan Kontraktor Kecil Bumiputera (SPKB) yang diurus oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) tertakluk kepada syarat – syarat yang ditetapkan dan dana yang sedia ada.
- (b) Bantuan mesin dan peralatan sehingga nilai RM 20,000 untuk Kontraktor UPKJ Kelas E di bawah Program Peningkatan Usahawan Bumiputera (PUTERA) yang diurus oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan dana yang sedia ada serta kelulusan oleh Jawatankuasa Induk PUTERA.

3. INSENTIF PROGRAM

Selepas tiga (3) tahun menyertai program ini dan kontraktor yang menunjukkan prestasi yang memuaskan serta tiada *adverse reports*, kontraktor tersebut boleh dipertimbangkan untuk menerima insentif seperti berikut :

- (a) Layak untuk dinaik taraf Kelas UPKJ sedia ada kepada Kelas yang lebih tinggi (tertakluk kepada permohonan dan persetujuan kontraktor); dan
- (b) Anugerah Cemerlang Kontraktor Berdaya Saing.